

Usahasama negara2 Islam: Syor

Skop luas
utk proses
bahan2 — Dr. M

KUALA LUMPUR, Isnin — Persidangan Negara-negara Islam dicadangkan mengadakan projek usahasama, khususnya di bidang perusahaan memproses bahan mentah, memandangkan negara-negara anggota persidangan menghasilkan sebahagian besar bahan-bahan mentah dunia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, antaranya ialah 60 peratus bekalan minyak dunia, 40 peratus bijih timah, 40 peratus kapas, 30 peratus balak dan bahan-bahan mentah yang lain.

"Oleh itu terdapat skop yang luas bagi mengadakan usahasama memproses bahan-bahan tersebut," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata projek usahasama terdapat di antara negara-negara Persekutuan Islam atau dalam konteks hubungan dua hala antara negara-negara Islam.

Katanya, bahan-bahan mentah yang diproses itu boleh diekspor atau untuk kegunaan setempat.

Berucap merasmikan Persidangan Kumpulan Pakar Negara-negara Islam mengenai perancangan dan pembangunan di sini hari ini, Timbalan Perdana Menteri turut menarik perhatian mengenai jumlah perdagangan di kalangan anggota Persidangan Islam yang sangat kecil.

Mengubah aliran

Eksport negara anggota Persidangan Islam, katanya, hanya empat peratus — tanpa mengambil kira eksport petroleum — manakala import pula meliputi lapan peratus.

Tetapi perkara yang lebih penting, kata Datuk Seri Dr. Mahathir "perdagangan di kalangan anggota Persidangan Islam adalah terlalu kecil".

Menurutnya, 21 negara anggota persidangan hanya menerima 10 peratus import sementara 25 negara anggota menjual 10 peratus dari eksport dari anggota yang lain.

Negara-negara Persidangan Islam dengan itu disyorkan mengubah aliran perdagangan sedemikian.

Pertubuhan Persidangan Islam, kata Datuk Seri Dr. Mahathir yang memasuki tahun kesepuluh penubuhannya telah dapat memberi kesan kepada dunia antarabangsa.

Bellau yakin di tahun-tahun akan datang dapat digembelng dan digerakkan secara kolektif kemampuan politik, ekonomi, teknologi dan lain-lain sumber dunia Islam bagi kepentingan bersama.

"Segala kegiatan dan kerjasama di kalangan negara-negara Islam sudah pasti dapat melahirkan dunia Islam yang kukuh, bersatu, maju dan makmur," jelasnya.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan bahawa saranan mengajak negara-negara Islam meningkatkan kerjasama ekonomi, tidak pula bermakna perlu di ketepatan sistem ekonomi dunia.

Seterusnya bellau menyatakan perlunya disusut semula hubungan ekonomi tradisional supaya sistem ekonomi dunia dapat memenuhi matlamat pembangunan negara-negara ketiga.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Persidangan Islam dapat memberi sumbangan bagi mencapai order ekonomi antarabangsa yang baru di samping melahirkan sistem ekonomi dunia saling bergantung yang lebih bermakna.

Susunan ekonomi antarabangsa yang baru memang sudah lama diturunkan, katanya, tetapi kemajuan yang dicapai untuk mewujudkan tidak menggalakkan.

Katanya, susunan ekonomi antarabangsa yang baru berpunca dari ketidak seimbangan sistem ekonomi dunia yang ada sekarang.

Sementara itu, Penolong Setiausaha Agung Sekretariat Persidangan Islam, Dr. C.F. Tevetoglu yang turut berucap berkata, negara-negara Islam mempunyai kedudukan penting dari segi politik, ekonomi dan pertahanan.

Menurutnya, negara-negara Islam kaya dengan bahan mentah, tetapi sebab kekurangan pengetahuan teknologi, sebahagian besar negara Islam mundur.

OF THE GROUP OF EXPERTS OF ISLAMIC COUNTRIES ON PLANNING AND DEVELOPMENT, KUALA LUMPUR, 3RD-10TH DECEMBER, 1979.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (dua dari

penulis) turut merasmikan Persidangan Setiausaha Agung Sekretariat Islam, Dr. Jihad Fethi Tevetoglu, di majlis perasmian menyuarat Kumpulan Pakar Negara-Negara Islam mengenai perancangan dan pembangunan, di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama dimajlis itu, bekas Setiausaha Agung Sekretariat Islam, Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj (kanan).

Di kanan Datuk Seri Dr. Mahathir ialah Pengerusi Jawatankuasa Pengeloa Mesyuarat, Tan Sri Ishak Pateh Akhir.

Dr. Jihad dalam ucapannya antara lain berkata, negara-negara Islam sunghub kaya dengan sumber asli, tetapi masih mengalami kekurangan pengetahuan teknologi.

Negara-Negara Islam mempunyai kira-kira 10 peratus pengetahuan teknologi yang diperlukan sahaja, tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir ketika berucap merasmikan mesyuarat itu berkata, negara-negara Islam perlu menjalakan projek usahasama di bidang perindustrian memproses bahan mentah yang terdapat dengan banyaknya di negara-negara tersebut. — Gambar Berita Harian.

No. Siri 2238
No. Penerimaan 414/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



No. Siri 2239
No. Penerimaan 415/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Timbalan PM berkehalan dengan pakar2 negara Islam

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diperkenalkan kepada para perwakilan mesyuarat kedua Kumpulan Pakar Negara-Negara Islam mengenai perancangan dan pembangunan, selepas merasmikannya di Kuala Lumpur, semalam.

Mesyuarat kedua ini akan berlangsung selama seminggu.

Mesyuarat pertama kumpulan pakar itu berlangsung di Riyadh, awal tahun lalu.